

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 (33)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

30 Disember 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16 TAHUN 2010 :
TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PENJAWAT AWAM YANG MEMBUAT KENYATAAN
MENYENTUH SENSITIVITI KAUM DAN AGAMA**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2010 yang bermesyuarat pada 12 November 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai pekeliling berkenaan tindakan tatatertib terhadap penjawat awam yang membuat kenyataan menyentuh sensitiviti kaum dan agama.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 16 Tahun 2010 mengenai Tindakan Tatatertib Terhadap Penjawat Awam Yang Membuat Kenyataan Menyentuh Sensitiviti Kaum Dan Agama untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 16 TAHUN 2010

TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PENJAWAT AWAM YANG MEMBUAT KENYATAAN MENYENTUH SENSITIVITI KAUM DAN AGAMA

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Surat Pekeliling Am Bil.3 Tahun 2010 (Tindakan Tatatertib Terhadap Penjawat Awam Yang Membuat Kenyataan Menyentuh Sensitiviti Kaum Dan Agama) berhubung keputusan Kerajaan bagi mengambil tindakan segera dan tegas terhadap penjawat-penjawat awam yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama sehingga menjejaskan perpaduan kaum.

LATARBELAKANG

2. Perpaduan antara kaum merupakan perkara asas dalam pembinaan negara dan Kerajaan sentiasa berusaha menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Namun sejak akhir-akhir ini berbangkit pelbagai isu sehingga boleh menjejaskan kerukunan dan perpaduan dalam negara kita, antaranya kenyataan-kenyataan yang menyentuh isu perkauman dan keagamaan oleh sebilangan penjawat awam.
3. Setiap pegawai diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan yang secara langsung atau tidak langsung boleh ditafsirkan sebagai menghina atau merendah-rendahkan sesuatu kaum dan agama dalam apa juga tujuan dan keadaan.
4. Perbuatan yang sedemikian itu boleh diertikan sebagai mencemar nama dan imej Perkhidmatan Awam/ Badan Berkanun serta tidak bertanggungjawab iaitu melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 3(2)(d) dan 3(2) (g), Peraturan-

peraturan Tata tertib Badan-badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

PROSEDUR

5. Kerajaan memutuskan supaya tindakan serta-merta dan tegas diambil ke atas mana-mana anggota yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama berdasarkan peraturan tata tertib seperti di atas.
6. Tindakan menggantung anggota yang didakwa mengeluarkan kenyataan sedemikian dari tugasnya hendaklah diambil dengan serta-merta sementara menunggu siasatan lanjut.
7. Langkah ini adalah untuk meredakan ketegangan yang mungkin timbul berikutan kenyataan berunsur hasutan yang dikeluarkan itu.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



**(HAJLMUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR**

Tarikh : 23 DEC 2010

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP16_2010